

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN
AWANG (MARANG)**

TARIKH : 3 DISEMBER 2019

SOALAN

DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan berkenaan cadangan untuk meminda Perkara 14 Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan ibu yang berwarganegara Malaysia mendapatkan status kewarganegaraan bagi anak mereka yang dilahirkan di luar negara secara automatik.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian mengambil maklum mengenai cadangan untuk meminda Perkara 14 Perlembagaan Persekutuan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri (KDN) perlu membuat kajian dan penelitian lanjut ke atas perkara ini selaras dengan peruntukan perundangan sedia ada.